

21/09/1999

Barisan tidak akan layan ugutan: PM

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Fazli Arman

KANGAR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Barisan Nasional (BN) tidak akan tunduk terhadap desakan kumpulan tertentu, termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mengugut tidak akan mengundi BN jika tuntutan mereka tidak dipenuhi.

Perdana Menteri berkata, BN tidak akan melayan kehendak mereka kerana selama ini kerajaan bertindak adil kepada semua kaum.

Beliau juga kesal kerana menjelang pilihan raya ada pihak mengambil kesempatan membuat ugutan kerana tahu undi mereka diperlukan untuk mencapai kemenangan.

Katanya, selain NGO yang mengedarkan surat kepada wakil rakyat meminta tandatangan jaminan memenuhi tuntutan mereka, ada kumpulan yang mewakili kumpulan masyarakat Cina membuat senarai keperluan dan kehendak mereka jika kerajaan mahukan undi mereka.

Dr Mahathir juga bimbang BN akan berpecah jika kerajaan melayan permintaan kaum Cina yang kemudian dituntut pula kaum Melayu.

"Mereka tahu kita berada dalam keadaan lemah untuk hadapi pilihan raya maka mereka ingin memaksa kita terima kehendak mereka.

"Ini bukan caranya kerana kita telah layan semua kehendak. Kehendak NGO yang berpatutan kita sanggup layan. Kehendak orang Cina pun banyak juga kita layan. Kalau meminta benda-benda yang menyebabkan orang Melayu pula meminta untuk mereka, maka ketika itu akan bepecahlah BN.

"Kalau orang Melayu tak sokong calon MCA dan Gerakan dan orang MCA dan Gerakan tak sokong orang Melayu, kita akan gagal dalam pilihan raya. Yang akan menang ialah parti lawan," katanya di majlis perhimpunan bersama pemimpin BN Perlis, di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata parti lawan suka melihat tuntutan seumpama tetapi kerajaan tidak boleh berjanji untuk memenuhi permintaan seperti yang dilakukan pembangkang.

Menurutnya, BN yakin akan memenangi pilihan raya akan datang tetapi tidak mahu berjanji perkara yang tidak boleh dipenuhi semata-mata mahu memperolehi undi.

"Kalau kita janji akan bagi dan bila menang kita tak bagi ia bukan sahaja mungkir janji, tetapi kewibawaan juga akan terjejas. Sebab itu kita tak boleh janji.

"(Bagaimanapun) parti lawan yang berpendapat mereka akan kalah sanggup buat apa saja janji...mintalah, mereka akan janji. Dia janji sebab dia tak peduli, dia tidak jadi kerajaan.

"Bila dia tak jadi kerajaan (kalah pilihan raya), dia kata bukan tak nak tunai janji tapi tak jadi kerajaan," katanya.

Menurut Dr Mahathir, BN tidak boleh melakukan seperti yang dijanjikan pembangkang kerana bimbang terperangkap dengan desakan sehingga hilang sokongan rakyat.

"Sebab itu saya minta semua pihak jangan bangkitkan perkara ini dekat pilihan raya. Semua pihak, semua kaum berasa tidak puas hati dengan kerajaan kerana ini perkara biasa.

"Tidak ada kerajaan dalam dunia ini yang dapat puaskan hati semua orang. Kalau pun rakyatnya terdiri dari satu kaum, apatah lagi kerajaan yang rakyatnya berbilang kaum yang mana kehendak bercanggah dengan pihak yang lain," katanya.

Berikutan itu Perdana Menteri meminta semua anggota BN memberi penjelasan kepada pengundi bahawa sumbangan BN kepada negara ialah

keamanan dan hasilnya dapat membangunkan negara untuk dinikmati setiap kaum.

(END)